

07 AUG 1997

Anwar-Bakun

BAKUN: SELESAIKAN MELALUI PERUNDINGAN, ANWAR

KUALA TERENGGANU, 7 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan sedang meneliti masalah dalam pembinaan empangan hidro elektrik Bakun di Sarawak dan mahu pertikaian antara pemaju dan kontraktor projek berharga lebih RM13 bilion itu diselesaikan melalui perundingan.

"Sekarang kita sedang teliti projek itu, kalau boleh kita minta ia diselesaikan melalui perundingan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan '97 di Taman Shahbandar di sini hari ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie telah diminta campurtangan dan berbincang dengan kedua-dua belah pihak bagi menyelesaikan masalah itu.

Anwar berkata projek empangan Bakun itu dianggap sebagai projek penting kerajaan dan kedua-dua belah pihak diminta dapat menyelesaikan perkara itu dengan sebaik mungkin.

"Kerajaan perlu membuat sesuatu supaya projek itu jangan tergendala dan kita memberikan sokongan dan perhatian terhadapnya," katanya.

Anwar berkata kerajaan akan tetap bertanggungjawab terhadap projek itu dan memastikan ia tidak terganggu dengan sebarang masalah.

Masalah dilaporkan berlaku apabila pemaju projek, Ekran Berhad, dan kontraktor utamanya Asea Brown Boveri (ABB) tidak berpuashati mengenai syarat perjanjian dalam kontrak.

Pada 31 Julai lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mungkin membatalkan kontrak antara Ekran dan ABB jika masalah itu tidak dapat diselesaikan sehingga menjejaskan projek itu. --  
BERNAMA

SBS MAI